


9. Rajah 6.1 menunjukkan kitar pencemaran mikroplastik dalam lautan.

Diagram 6.1 shows the ocean microplastics pollution cycle.



- (a) Apakah mikroplastik?
What is microplastic?

[1markah/1 mark]

- (b) Apakah isu mikroplastik yang berkaitan dengan manusia?
What is the issue of microplastic that is associated with humans?

[1markah/1 mark]

- (c) Cadangkan **dua** cara mengurangkan sisa plastik.
*Suggest **two** ways to reduce plastic waste*

[2 markah/2 marks]

- (d) *Upcycle* merupakan satu idea pengurusan yang cekap untuk menghasilkan produk plastik baharu.
Upcycle is an efficient management idea to produce a new plastic product.



Reka bentuk satu bekas makanan burung menggunakan objek-objek dalam Rajah 6.2. Lukis dan labelkan reka bentuk anda dalam kotak yang disediakan.



[3markah/3 marks]

10.

- Asap daripada kenderaan yang menggunakan bahan api fosil merupakan antara penyumbang tertinggi kepada peningkatan karbon dioksida di dalam udara
Smoke from vehicles using fossil fuels is among the highest contributors to the increase of carbon dioxide in the air
- Hujan asid yang terjadi memusnahkan hutan dan mengakis logam dan konkrit
Acid rain formed destroys forests and corrodes metals and concrete

(a) Nyatakan dua langkah dalam sektor Pengangkutan Teknologi Hijau yang sesuai untuk menangani isu yang dinyatakan di atas.
State two appropriate steps in the Green Technology Transport Sector to address the issues mentioned above.

[2 markah/2 marks]

(b) Berikan **empat** lagi sektor Teknologi Hijau selain daripada sektor pengangkutan.
*Give **four** more Green Technology sectors besides the transport sector.*

- _____
- _____
- _____
- _____

[2 markah/2marks]

(c) Azri suka berkebun tetapi dia tinggal di sebuah pangsapuri empat tingkat. Dia ingin menanam sayuran di beranda rumahnya. Bagaimanakah Azri dapat memanfaatkan bahan yang boleh diguna semula di rumahnya untuk menyelesaikan masalah itu? Bantu Azri dengan melukis lakaran berlabel di ruang yang disediakan di bawah, bagaimana dia boleh menanam sayuran di balkoni rumahnya.

[3 markah/3marks]



Menanam pokok di dalam botol plastik terpakai secara menegak untuk menjimatkan ruang dengan sokongan besi atau kayu palet terpakai.



Menanam pokok di dalam tayar terpakai supaya lebih banyak pokok boleh ditanam dalam satu tayar.